Bab 7 USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

Arahan: *Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu* **A**, **B**, **C**, *dan* **D**. *Pilihlah* **satu** *jawapan yang paling sesuai.*

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

(Buku Teks m.s. 172 – 173)

1 Ibrahim Haji Yaakob telah mengasaskan Kesatuan Melayu Muda (KMM).
Apakah perjuangan KMM?
A Memartabatkan bahasa Melayu
B Menggalakkan sikap bekerjasama
C Memajukan ekonomi orang Melayu
D Memperjuangkan kemerdekaan negara

(Buku Teks m.s. 172)

2 Apakah parti politik yang menggunakan konsep berikut sebagai matlamat politik?

Melayu Raya

A UMNO
B PKMM
C KMM
D PAS

(Buku Teks m.s. 172)

3 Bagaimanakah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) mencapai matlamat berikut?

Membentuk perpaduan

A Menentang ancaman komunis
B Memperjuangkan hak sama rata
C Menanam semangat kebangsaan
D Menekankan pemerintahan demokrasi

(Buku Teks m.s. 172)

4 Mengapakah British mengharamkan pertubuhan berikut?

Angkatan Pemuda Insaf (API)

A Memperjuangkan hak rakyat
B Membuat tuntutan kemerdekaan
C Menyokong perjuangan komunis
D Menggunakan pendekatan radikal

(Buku Teks m.s. 172)

5 Mengapakah parti berikut menentang Malayan Union?

Parti	United Malays National Organisation (UMNO)
Pengasas	Dato' Onn bin Jaafar
Tahun	1951

I Memelihara status quo orang Melayu
II Menjamin kedaulatan Raja-raja Melayu
III Menyekat perluasan pengaruh komunis
IV Mewujudkan perpaduan antara kaum

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 172)

6 Pilih pasangan yang **tepat** berkaitan dengan idea perjuangan parti politik berikut.

Pilihan Jawapan	Parti Politik	Perjuangan
A	Hizbul Muslimin	"Merdeka"
B	Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	"Tanah Melayu untuk Malayan"
C	Independence of Malayan Parti (IMP)	"Hidup Melayu"
D	Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)	"Hidup Melayu-Merdeka"

(Buku Teks m.s. 173)

7 Apakah persamaan matlamat penubuhan persatuan berikut?

- Malayan Indian Congress
- Malayan Chinese Association

A Pembinaan satu negara bangsa
B Bersatu pertahankan hak peribumi
C Bekerjasama dengan semua kaum
D Pembinaan sebuah negara merdeka

(Buku Teks m.s. 173)

LIVEWORKSHEETS

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

(Buku Teks m.s. 174 – 177)

8 Mengapakah perundingan antara kaum penting bagi Persekutuan Tanah Melayu mencapai status berkerajaan sendiri?

A Mengukuhkan institusi beraja
B Menyatupadukan pelbagai kaum
C Merangka perlembagaan baharu
D Melaksanakan pilihan raya umum

(Buku Teks m.s. 174)

9 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan untuk mengatasi ketegangan kaum di Tanah Melayu.
Bagaimanakah CLC menyelesaikan masalah tersebut?

A Membentuk kongres
B Melaksanakan perjanjian
C Menggunakan rundingan
D Mengadakan perdamaian

(Buku Teks m.s. 174)

10 Langkah berikut diambil pada Januari 1949.

Menghimpunkan pemimpin utama pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Bagaimanakah proses tersebut dilakukan?

A Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu
B Pengenalan Dasar Pendidikan Kebangsaan
C Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
D Penubuhan Rancangan Pembangunan Lima Tahun

(Buku Teks m.s. 174)

LIVEWORKSHEETS